

Mesej Sebelas

**Lebih Hasil Tanah Permai dan  
Penyembahan Korporat kepada Tuhan Bapa  
dalam Ketulusikhlasan**

Bacaan Bible: Ul. 8:7-10; 12:6-7, 11-12, 18; 16:15-17; Ef. 3:8; Yoh. 4:23-24

- I. Kita menggunakan perkataan *lebih* kerana umat Israel akan mengasingkan satu bahagian tertentu daripada hasil mereka yang diperoleh daripada jerih lelah di tanah permai untuk tujuan menyembah Bapa—Ul. 12:5-15, 17-18, 20-22, 26-27; 14:22-23; 15:19-20; 16:16-17:**
- A. Lebih hasil tanah permai mentamsilkan Kristus—8:7-10.
  - B. Umat Israel mempersembahkan hasil Kanaan kepada Tuhan dan menikmati hasil ini bersama dengan Tuhan.
  - C. Kenikmatan terhadap lebih hasil tanah permai mentamsilkan kenikmatan korporat terhadap Kristus, sebagai penyembahan kita kepada Tuhan—Ef. 3:8.
  - D. Menurut penggenapan tamsil ini dalam Wasiat Baru, apabila kita datang menyembah Tuhan secara korporat, kita harus membawa Kristus yang telah kita alami—Ef. 3:17-18; Kol. 1:27; 3:3-4, 11.
- II. Jika kita dengan setianya mengusahakan Kristus almuhit, kita akan mempunyai kekayaan Kristus sebagai hasil untuk mempamerkan Kristus dalam perhimpunan gereja—Ef. 3:8; 1 Kor. 14:26:**
- A. Kehidupan orang Kristian yang wajar adalah mengusahakan Kristus setiap hari, dengan itu mempunyai lebih kaya daripada Kristus untuk dibawa ke perhimpunan agar mempunyai pameran yang kaya tentang Kristus—ay. 26:
    - 1. Kita datang bersama-sama dalam perhimpunan gereja untuk mengadakan pameran tentang Kristus—Kol. 1:18, 27.
    - 2. Dengan adanya pengalaman harian kita terhadap kekayaan Kristus, kekayaan ini akan menjadi pameran tentang hasil Kristus—Ef. 3:8, 17-18; Kol. 2:6, 9-10, 17.
    - 3. Perhimpunan kita harus sentiasa menjadi suatu pameran yang memaparkan apanya Kristus, apa yang dimiliki Kristus, dan apa yang dilakukan Kristus—Ibr. 1:3; 2:9, 14; 1 Yoh. 3:8; 4:9, 15; Kis. 2:24, 32-33; Wahi 1:17b-18.
  - B. Kita berhimpun untuk mempamerkan Kristus, bukan sahaja Kristus yang diberi Tuhan kepada kita, tetapi juga Kristus yang kita hasilkan, iaitu Kristus yang kita usahakan dan yang kita alami; inilah Kristus yang kita pameran semasa kita datang bersama-sama—Kol. 1:12-13; Flp. 3:10.
  - C. Jika kita mengusahakan Kristus secara berterusan, kita akan mempunyai lebih kaya daripada Kristus untuk dibawa ke perhimpunan agar mempunyai pameran yang kaya tentang Kristus—1 Kor. 1:24, 30; 10:3-4; 14:26.
  - D. Setiap kali kita datang bersama-sama, tidak kira jenis perhimpunan yang kita adakan, kita harus datang dengan Kristus yang kita alami sebagai lebih, untuk dipersembahkan kepada Tuhan dan dipamerkan kepada seluruh alam semesta dan kepada musuh, lalu mengaibkannya—Yoh. 4:23-24; Ef. 3:10, 17; 4:15:
    - 1. Dengan demikian, perhimpunan kita akan diperkaya dan diperkuat kerana penuh dengan Kristus—Kol. 3:4, 10-11.
    - 2. Kehidupan gereja sedemikian ialah pameran tentang Kristus, ekspresi Kristus—Ef. 3:21.
    - 3. Kita perlu membawa lebih Kristus ke setiap perhimpunan untuk mempamerkan Kristus—ay. 8.

## GARIS KASAR LATIHAN

### Mesej Sebelas (sambungan)

4. Kita perlu menikmati Kristus dalam kehidupan harian kita dan datang bersama-sama untuk mempamerkan-Nya—1 Ptr. 1:8.
- E. Untuk mempunyai perhimpunan orang Kristian yang wajar, kita perlu menghubungi Tuan setiap hari dalam kehidupan peribadi kita dan kemudian datang ke perhimpunan dengan kesedaran dan kefahaman bahawa kita datang untuk mempamerkan Kristus dan berkongsi Kristus dengan orang lain—1 Kor. 14:26.
- F. “Setiap sidang kita bawa / Kristus dan kaya limpah-Nya, / Bagi Tuhan santap, nikmat, / Mari pamer Kristus. / Mari pamer Kristus, / Mari pamer Kristus, / Semua membawa limpah-Nya, / Kita pamer Kristus”—Kidung, #624, rangkap 1 dan korus.

### III. Kita perlu mengusahakan Kristus almuhit supaya kita mempunyai lebih Kristus untuk dibawa ke perhimpunan gereja demi penyembahan korporat kepada Tuhan Bapa kita—Yoh. 4:23-24; Ef. 3:21:

- A. “Sudah lebih daripada empat puluh tahun [dibicarakan pada tahun 1982] saya memperjuangkan hal penyembahan yang sejati kepada Tuhan. Perjuangan ini masih belum menang”—*The Fulfillment of the Tabernacle and the Offerings in the Writings of John*, m.s. 142.
- B. Untuk menyembah Bapa, Bapa menuntut kita datang kepada-Nya dengan tuaian Kristus; oleh itu, kita perlu datang ke perhimpunan gereja dengan kekayaan Kristus—Yoh. 4:23-24; Ef. 3:8.
- C. Setiap hari, kita harus mengusahakan Kristus untuk mendapatkan tuaian kekayaan Kristus agar dibawa ke perhimpunan gereja demi penyembahan korporat kepada Tuhan Bapa; Kristus akan dijunjung dan dimuliakan, dan Bapa akan berkenan dan dipuaskan—Ul. 12:6; 16:15-17; 1 Kor. 14:26; Yoh. 4:23-24.
- D. Memang penting untuk kita tekun mengusahakan Kristus supaya tangan kita penuh dengan Kristus, kemudian kita datang ke perhimpunan gereja untuk menikmati Kristus yang kaya dan mulia ini bersama-sama anak-anak Tuhan dan bersama dengan Tuhan Bapa sendiri—1 Kor. 10:31; 14:26; Yoh. 4:23-24; Roma 15:6.
- E. Setiap kali kita datang ke perhimpunan meja Tuan untuk memperingati Tuan dan menyembah Bapa, kita harus datang dengan membawa kekayaan Kristus yang terhasil daripada usaha harian kita pada Kristus—Ul. 16:15-17:
  1. Menyembah Tuhan dengan Kristus bererti menyembah-Nya secara kolektif bersama-sama semua anak Tuhan dengan menikmati Kristus dengan satu sama lain dan dengan Tuhan—1 Kor. 14:26.
  2. Kita perlu menghasilkan Kristus yang secukupnya supaya terdapatnya lebihan untuk dikongsi dengan orang lain dan untuk mempersembahkan bahagian terbaik daripada hasil itu kepada Tuhan Bapa demi keriang, kegirangan, dan kepuasan-Nya—Ul. 15:11; 18:3-4; 12:11.
- F. Pada hari-hari akhir ini, Tuan akan memulihkan pengalaman sejati terhadap Kristus supaya terdapatnya lebihan kekayaan-Nya dalam perhimpunan demi pembinaan gereja sebagai Tubuh Kristus dan untuk pengantin perempuan mempersiapkan diri demi kedatangan Pengantin Lelaki.

### IV. Menurut Yohanes 4:23-24, kita perlu menyembah Tuhan Bapa kita dalam roh dan dalam ketulusikhlasan:

- A. Ketulusikhlasan merupakan realiti divin yang diwahikan—Tuhan Tritunggal didispenkan ke dalam manusia dalam Anak, Yesus Kristus—menjadi kesejatan dan keikhlasan kita supaya kita menjalani kehidupan yang sejajar dengan cahaya

## LEBIHAN HASIL TANAH PERMAI

### Mesej Sebelas (sambungan)

divin (1 Yoh. 1:5) dan menyembah Tuhan menurut apanya Dia, sebagaimana yang dicari-cari Tuhan (2 Yoh. 1; 3 Yoh. 1).

- B. Daripada kenikmatan terhadap realiti divin, terhasilnya ketulusikhlasan, kesejatian dan ketulusan insani—Yoh. 4:23-24; 1 Yoh. 3:18; 2 Yoh. 1; 3 Yoh. 1.
- C. Ketulusikhlasan ialah kesejatian, keikhlasan, kejujuran, kebolehpercayaan, dan ketsetiaan insani, sebagai virtu insani dan sebagai hasil daripada realiti divin—Yoh. 14:6.
- D. *Ketulusikhlasan* dalam Yohanes 4:23-24 bermakna realiti divin menjadi kesejatian dan keikhlasan manusia untuk penyembahan sejati kepada Tuhan.
- E. Realiti divin ialah Kristus sebagai sumber air hidup, Roh beri-hayat, yang diambil bahagian dan diminum oleh percayawan untuk menjadi realiti dalam mereka, yang akhirnya menjadi kesejatian dan keikhlasan mereka; dalamnya mereka menyembah Tuhan dengan penyembahan yang dicari-cari-Nya—ay. 10, 14, 23.
- F. Menyembah Bapa dalam ketulusikhlasan bererti menyembah-Nya dengan Kristus yang telah menepui kita untuk menjadi realiti peribadi kita menerusi kita mengalami dan menikmati Tuhan Tritunggal sebagai realiti divin—ay. 23-24.